Bahasa Melayu

Rencana ini **menggunakan URL terdedah untuk petikan, yang mungkin diancam oleh pautan rosak.** Sila pertimbangkan untuk menambah petikan penuh supaya rencana itu masih disahkan. Beberapa templat dan alatan rujukan pautan (https://toolserver.org/~dispenser/cgi-bin/webreflinks.py?page=Bahasa_Melayu&citeweb=on&overwrite=simple&limit=200) bersedia untuk membantu dalam pemformatan. (Dokumentasi rujukan pautan) *(November 2018)*

Rencana ini **memerlukan petikan dan rujukan tambahan untuk pengesahan**. Sila bantu memperbaiki rencana ini (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Melayu&action=edit) dengan menambahkan petikan ke sumber-sumber yang boleh dipercayai. Bahan yang tidak disahkan mungkin akan dipertikai dan dipadam.
Cari sumber: "Bahasa Melayu" (https://www.google.com/search?as_eq=wikipedia&q=%22Bahasa+Melayu%22) – berita (https://www.google.com/search?q=%22Bahasa+Melayu%22&tbm=nws) · akhbar (https://www.google.com/search?&q=%22Bahasa+Melayu%22+site:news.google.com/newspapers&source=newspapers) · buku (https://www.google.com/search?tbs=bks:1&q=%22Bahasa+Melayu%22+-wikipedia) · sarjana (https://scholar.google.com/scholar?q=%22Bahasa+Melayu%22) · JSTOR (http://www.jstor.org/action/doBasicSearch?Query=%22Bahasa+Melayu%22&acc=on&wc=on) *(November 2018)*
(Ketahui bagaimana dan bila untuk membuang pesanan templat ini)

Tolong bantu menterjemahkan sebahagian rencana ini.
Rencana ini memerlukan kemaskini dalam Bahasa Melayu piawai Dewan Bahasa dan Pustaka. Sila membantu (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Melayu&action=edit), bahan-bahan boleh didapati di Malay language **(Inggeris)**.

Jika anda ingin menilai rencana ini, anda mungkin mahu menyemak di terjemahan Google (http://translate.google.com/translate?u=https://en.wikipedia.org/wiki/Malay_language&sl=en&tl=ms&hl=ms). Walau bagaimanapun, **jangan menambah terjemahan automatik kepada rencana**, kerana ini biasanya mempunyai kualiti yang sangat teruk.
Sumber-sumber bantuan: Pusat Rujukan Persuratan Melayu (http://prpm.dbp.gov.my/).

Bahasa Melayu (Tulisan Jawi: بهاس ملايو) ialah sejenis bahasa Melayu-Polinesia di bawah keluarga bahasa Austronesia yang telah digunakan di wilayah Malaysia, Indonesia, dan persekitarannya sejak melebihi 1,000 tahun lalu. Walaupun asal usul bangsa Melayu (dalam pengertian yang khusus) yang paling asal belum diketahui secara pasti tetapi pertumbuhan bahasa Melayu dapatlah dikatakan berasal dari Sumatera Selatan di sekitar Jambi dan Palembang.[1] Rekod terawal bahasa Melayu Kuno ialah sebuah batu bersurat bertarikh 682 Masihi yang dijumpai di Sumatera Selatan.

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura. Di Indonesia, bahasa Melayu kini dipanggil bahasa Indonesia, dan walaupun kerajaan Malaysia berhasrat menamakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa Malaysia namun ianya bertentangan dengan nama bahasa kebangsaan yang termaktub dalam perlembagaan persekutuan Malaysia. Selain daripada keempat-empat negara tersebut, bahasa Melayu juga ditutur oleh penduduk-penduduk Melayu di Selatan Thailand, Filipina, Kemboja, Vietnam, Sri Lanka dan Afrika Selatan.

Menurut statistik penggunaan bahasa di dunia, penutur bahasa Melayu dianggarkan berjumlah lebih 300 juta (bersama penutur Bahasa Indonesia) dan merupakan bahasa keempat dalam turutan jumlah penutur terpenting bagi bahasa-bahasa di dunia selepas bahasa Mandarin, bahasa Inggeris dan bahasa Hindi/bahasa Urdu. Selain itu, dilaporkan sebanyak 70,000 orang mampu bertutur dalam bahasa Melayu di Sri Lanka, manakala di China, terdapat radio dalam bahasa Melayu. Bahasa Melayu juga diajar di universiti-universiti di United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, Belanda, China, Jerman, New Zealand dan beberapa tempat yang lain.

Bahasa Melayu Piawai ialah Bahasa Melayu Riau, Indonesia, seperti yang dipersetujui oleh Indonesia, Malaysia, dan Brunei. Bahasa Melayu Riau dianggap tempat kelahiran bahasa Melayu. Di Malaysia, bahasa Melayu mengalami perubahan nama beberapa kali. Pada awal 1970-an, Bahasa Melayu dinamakan Bahasa Malaysia atas sebab politik. Namun sejak akhir-akhir ini, nama "Bahasa Melayu" digunakan semula. Bermula tahun 2007, bahasa kebangsaan Malaysia dinamakan kembali kepada **Bahasa Malaysia** sebagai simbol bahawa bahasa ini ialah bahasa untuk semua dan tidak mengira kaum.

Bahasa Melayu بهاس ملايو	
Asli di	Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, Patani, Timor Leste, Sri Lanka, Afrika Selatan, dan Australia (Pulau Christmas dan Kepulauan Cocos).
Wilayah	Asia Tenggara
Penutur asli	7–18 juta jumlah 200–300 juta (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Bahasa Austronesian ▪ Melayu-Polinesia (MP) ▪ MP Nuklear ▪ Sunda-Sulawesi ▪ Malayik ▪ Malaya ▪ Melayu Tempatan ▪ **Bahasa Melayu**
Status rasmi	
Bahasa rasmi di	Di Brunei & Singapura bahasa ini dikenali dengan nama bahasa Melayu, Di Indonesia bahasa ini dikenali dengan nama bahasa Indonesia, di Malaysia bahasa Melayu dikenali secara

Namun begitu, menurut Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia, menyebut bahawa: "Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu". Tiada pertukaran nama bahasa Melayu ke bahasa Malaysia terjadi.[2]

Di Indonesia, bahasa Melayu juga dikenali sebagai Bahasa Indonesia atas sebab persatuan dan kesatuan bangsa Indonesia iaitu Sumpah Pemuda tahun 1928. Di Singapura dan Brunei, Bahasa Melayu tidak mengalami sebarang perubahan nama.

Bahasa Melayu mempunyai banyak dialek dan setiap dialek mempunyai perbezaan ketara dari segi sebutan dan kosa kata. Misalnya,Bahasa Melayu Riau-Johor berbeza dialek dengan Bahasa Melayu Palembang, Jambi, dan Bengkulu. Melayu Riau-Johor menggunakan dialek "e" sedangkan Bahasa Melayu Palembang, Jambi, dan Bengkulu menggunakan dialek "o". Selain itu, bahasa yang digunakan oleh masyarakat peranakan atau Cina Selat (campuran pendatang Cina dan penduduk asal) merupakan campuran antara Bahasa Melayu dan dialek Hokkien. Bahasa ini dahulunya banyak digunakan di negeri-negeri Selat seperti Pulau Pinang dan Melaka. Walau bagaimanapun, kini kaum peranakan lebih gemar berbahasa Hokkien atau Inggeris. Bahasa Melayu merupakan bahasa aglutinatif, bermaksud makna perkataan boleh diubah dengan menambah imbuhan tertentu. Umumnya, kata dasar (atau kata akar) terdiri daripada kata kerja.

Penggunaan Bahasa Melayu di negara-negara ini berbeza bergantung kepada sejarah dan budaya. Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi di Malaysia pada 1968, tetapi Bahasa Inggeris masih digunakan dengan luas terutama sekali di kalangan masyarakat Cina dan India, sama seperti di Brunei. Berbeza di Indonesia, Bahasa Indonesia berjaya menjadi bahasa perantaraan utama atau *lingua franca* untuk rakyatnya yang berbilang kaum kerana usaha gigih kerajaan Indonesia dalam menggalakkan penggunaan Bahasa Indonesia selain Bahasa Belanda yang tidak lagi digunakan. Di Timor Leste, sekarang terlepas dari Indonesia menjadi negara Timor Leste, Bahasa Indonesia diterima sebagai "bahasa bekerja". Di Singapura, Bahasa Melayu dikekalkan statusnya sebagai bahasa kebangsaan walaupun Singapura mempunyai empat bahasa rasmi (iaitu Bahasa Inggeris, Cina, India, dan Melayu.) Di selatan Thailand, bahasa Melayu digunakan oleh orang-orang dari Kesultanan Melayu Patani (orang Melayu Pattani), tetapi tidak memperolehi sebarang pengiktirafan daripada kerajaan.

Pada awal tahun 2004, Dewan Bahasa dan Pustaka dan MABBIM mencadangkan Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi ASEAN memandangkan lebih separuh jumlah penduduk ASEAN mampu bertutur dalam Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, perkara ini masih dalam perbincangan.

Isi kandungan

Sistem fonologi

Perbezaan antara Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia

Sejarah Bahasa Melayu
- Bahasa Melayu berasal dari Asia Tengah
- Bahasa Melayu berasal dari Kepulauan Melayu

Perkembangan Bahasa Melayu
- Perubahan aksara penulisan bahasa Melayu sehingga kini

Pengaruh daripada bahasa asing
- Pengaruh Bahasa Sanskrit
- Pengaruh Bahasa Jawa
- Pengaruh Arab-Islam
  - Perbendaharaan Kata
  - Sebutan Kata
  - Tulisan
- Pengaruh Bahasa Cina
- Pengaruh Portugis
- Pengaruh Inggeris

Definisi bahasa Melayu tinggi dan bahasa Melayu baku

Frasa mudah dalam Bahasa Melayu
- Bahasa pasar serta penggunaan kontemporari

	rasmi sebagai bahasa Melayu (mengikut Perlembagaan Malaysia) dan bahasa Malaysia ,
Dikawal oleh	Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia (MABBIM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP, sebuah institut bahasa dan kesusasteraan Malaysia)
	Kod bahasa
ISO 639-1	`ms`
ISO 639-2	`may (B)` `msa (T)`
ISO 639-3	Pelbagai: `zlm (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=zlm)` — Bahasa Melayu (generik) `msa (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=msa)` — Bahasa Melayu (tertentu) `btj (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=btj)` — Bahasa Melayu Bacan `bve (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=bve)` — Bahasa Melayu Berau `bvu (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=bvu)` — Bahasa Melayu Bukit `coa (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=coa)` — Bahasa Melayu Cocos `jax (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=jax)` — Bahasa Melayu Jambi `bke (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=bke)` — Bahasa Melayu Bengkulu `plm (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=plm)` — Bahasa Palembang `mfb (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=mfb)` — Bahasa Bangka `meo (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=meo)` — Bahasa Melayu Kedah `mqg (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=mqg)` — Bahasa Melayu Kutai Kota Bangun `xmm (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=xmm)` — Bahasa Manado `max (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?`

Galeri

Lihat juga

Rujukan

Nota kaki

Pautan luar

Sistem fonologi

Rencana utama: Fonologi bahasa Melayu

Salah satu faktor utama yang menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa yang sangat mudah untuk dipelajari adalah disebabkan oleh sistem fonologi yang amat mudah. Boleh dikatakan hampir setiap huruf Rumi mewakili satu sebutan fonem.

id=max) — Bahasa Melayu Maluku Utara
mfa (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=mfa) — Bahasa Melayu Pattani
msi (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=msi) — Bahasa Melayu Sabah
vkt (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=vkt) — Bahasa Melayu Kutai Tenggarong
hji (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=hji) — Bahasa Haji
bew (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=bew) — Bahasa Betawi
pmy (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=pmy) — Bahasa Melayu Papua
bjn (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=bjn) — Bahasa Banjar
zsm (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=zsm) — Bahasa Malaysia
ind (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=ind) — Bahasa Indonesia
zmi (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=zmi) — Bahasa Melayu Negeri Sembilan

Jadual fonem konsonan dalam Bahasa Melayu

	Dwibibir	Bibir-gigi	Gigi/Gusi	Bel. gusi	Lelangit	Velum	Uvula	Peti suara
Sengau	**m** /m/		**n** /n/		**ny** /ɲ/	**ng** /ŋ/		
Letupan/ Hentian	**p** /p/ /pʰ/ **b** /b/		**t** /t/ **d** /d/			**k** /k/ **g** /g/		**k (hujung)/q** /ʔ/
Letusan				**c** /tʃ/ **j** /dʒ/				
Geseran		**f** /f/ **v** /v, ʊ/	**s** /s/ **z** /z/	**sy** /ʃ/				**h** /h/
Malaran tak geser					**y** /j/	**w** /w/		
Getaran			**r** /r/*					
Sisian			**l** /l/					

* Mengikut takrifan bahasa baku. Penutur tidak semestinya menyebut fonem /r/ sebegini.

Jadual fonem vokal dalam Bahasa Melayu

Ketinggian	Depan	Pusat	Belakang
Sempit	**i** /i/		**u** /u/
Separuh sempit	**e** /e/		**o** /o/
Tengah		**e** /ə/	
Separuh luas	**e** [ɛ]*		**o** [ɔ]*
Luas		**a** /a/	**a** [ɑ]*

* Bukan standard, terdapat dalam sebutan loghat atau kata pinjaman.

Jadual diftong dalam Bahasa Melayu

Ortografi	IPA
ai	[aɪ̯, ai]
au	[aʊ̯, au]
ua	[ua]

Terdapat 2 sebutan vokal yang diwakili oleh huruf "e", iaitu [e, ɛ] dan [ə]. Pelajar Bahasa Melayu berupaya untuk membezakan antara 2 sebutan tersebut setiap kali mempelajari perkataan baru.

Di dalam beberapa tempat di Semenanjung Malaysia, terutamanya di kawasan tengah dan selatan, kebanyakan perkatan yang berakhir dengan huruf *a* selalunya disebut sebagai [ə].

Perbezaan antara Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia

Untuk rencana lanjutan, lihat Perbezaan antara Bahasa Melayu Piawai dan Bahasa Indonesia atau Perbezaan sebutan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia

Tiada boleh dibezakan secara keterlaluan antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia kerana bahasa Indonesia sendiri didasarkan kepada bahasa Melayu dialek Riau yang merupakan bahasa Melayu Piawai. Namun, jika dibezakan dari segi sejarah, budaya, perlakuan tatabahasa masing-masing, dan lain-lain dengan bahasa Malaysia, jelas adalah perbezaan yang ketara. Kedua-duanya boleh memahami antara satu sama lain, tetapi berbeza dari segi ejaan dan kosa kata jua. Bahasa Indonesia berbeza daripada Bahasa Malaysia kerana mempunyai perkataan yang berasal dari Tanah Jawa, Tanah Melayu, dan Belanda.

Sejarah Bahasa Melayu

Asal usul orang-orang Melayu amat kabur kerana sejarah kuno Asia Tenggara masih belum diselidiki dengan mendalam. [3] Bagaimanapun, istilah "Melayu" adalah sangat baru dan timbul buat pertama kali dalam tulisan Cina antara tahun 644 dan 645 Masihi. Tulisan itu menyebut orang *Mo-lo-yeu*, tetapi letaknya kerajaan Mo-lo-yeu ini tidak dapat dipastikan: ada yang mengatakan di Semenanjung Tanah Melayu dan ada yang mengatakan di Jambi, Sumatera. Bukti konkrit yang pertama tentang bentuk dan sifat bahasa Melayu hanya terdapat sejak tahun 683, dengan terjumpanya empat buah batu bersurat:

1. di Kedukan Bukit, Palembang, pada 683 Masihi
2. di Talang Tuwo, Palembang, pada 684 Masihi
3. di Kota Kapur, Pulau Bangka, pada 686 Masihi
4. di Karang Brahi, Kabupaten Merangin, daerah hulu Jambi pada 686 Masihi.

Ada yang berpendapat bahasa Melayu berasal dari Asia Tengah, ada juga yang berpendapat bahasa Melayu sudah lama wujud di Kepulauan Melayu.

Bahasa Melayu berasal dari Asia Tengah

Untuk rencana lanjutan, lihat Bahasa Melayu berasal dari Asia Tengah

Menurut beberapa teori, penutur-penutur bahasa Melayu berasal daripada golongan Austronesia yang datang sejak 2500 SM dari daerah Yunan dalam beberapa bentuk gelombang pergerakan manusia dan menduduki wilayah Asia Tenggara. [3] Golongan pertama ini dipanggil Melayu Proto. Kemudian, pada kira-kira tahun 1500 SM, datangnya golongan kedua pula yang menduduki daerah pantai dan tanah lembah di Asia Tenggara yang dipanggil Melayu Deutro. [3]

Bahasa Austronesia tergolong dalam keluarga bahasa Austris. Rumpun bahasa Austronesia terbahagi kepada empat cabang, iaitu:

1. bahasa-bahasa di Kepulauan Melayu (atau Nusantara)
2. bahasa-bahasa Polinesia, umpamanya bahasa-bahasa Hawaii, Tonga, dan Maori
3. bahasa-bahasa Melanesia, umpamanya bahasa-bahasa di Kepulauan Fiji, New Caledonia dan Irian
4. bahasa-bahasa Mikronesia, umpamanya bahasa-bahasa di Kepulauan Marianna, Marshall, Carolina dan Gilbert. [3]

Bahasa Melayu tergolong dalam cabang Nusantara yang mempunyai paling banyak bahasa, iaitu kira-kira 200-300 bahasa. Oleh itu, bahasa-bahasa Nusantara dibahagikan lagi kepada 16 golongan tertentu, antaranya:

- Golongan Filipina: umpamanya bahasa-bahasa Tagalog, Iloko, Bikol, dan Sulu
- Golongan Sumatera: umpamanya bahasa-bahasa Aceh, Batak, Minangkabau, Melayu, Nias, Lampung, dan Orang Laut
- Golongan Jawa: umpamanya bahasa-bahasa Sunda, Jawa, dan Madura
- Golongan Kalimantan: umpamanya bahasa-bahasa Iban, Kenya Kayan, dan Melanau
- Golongan Bali-Sasak: umpamanya bahasa-bahasa Bali, Sasak, dan Sumbawa
- Golongan Sulawesi Selatan: umpamanya bahasa-bahasa Makasar, Bugis, dan Seko
- Golongan Halmahera Selatan-Irian Jaya: umpamanya bahasa-bahasa Halmahera Selatan, Nufur dan Kowiai.

Menurut ahli-ahli bahasa dan sejarah ini, Melayu Moden berasal daripada bahasa Melayu Klasik dan bahasa Melayu Klasik berasal daripada bahasa Melayu Induk. Bahasa Melayu Induk berasal daripada bahasa Melayu Purba yang juga merupakan asal daripada bahasa Melayu Kuno. Ini bermakna bahasa Melayu Moden bukanlah merupakan pengembangan daripada dialek Johor-Riau dan bahasa Melayu Moden tidak begitu rapat hubungannya dengan dialek yang lain. Dialek yang lain berasal daripada Melayu Induk manakala dialek Johor-Riau berasal daripada Melayu Klasik.

Bahasa Melayu berasal dari Kepulauan Melayu

Untuk rencana asal, lihat Bahasa Melayu berasal dari Kepulauan Melayu

Penemuan orang Jawa yang berusia ribuan tahun menunjukkan Kepulauan Melayu sudah dihuni manusia, dan bukannya berasal dari Asia Tengah seperti pendapat sesetengah ahli sejarah.

Perkembangan Bahasa Melayu

Kedatangan agama Hindu, Islam dan penjajah Eropah ke Asia Tenggara telah menyebabkan perbezaan yang ketara berlaku antara bahasa Melayu Kuno, bahasa Melayu Klasik dan Bahasa Melayu Moden. Ini menyebabkan penutur bahasa Melayu Moden tidak mungkin dapat memahami bahasa Melayu dari zaman-zaman sebelumnya. Ahli bahasa membahagikan perkembangan bahasa Melayu kepada tiga tahap utama dan setiap tahap bahasa mempunyai sifatnya yang tersendiri misalnya bahasa Melayu kuno mempunyai pengaruh Sanskrit dan Hindu yang kuat, dan bahasa Melayu klasik terpengaruh dengan bahasa Arab dan Islam. Manakala bahasa Melayu moden lebih banyak dipengaruhi oleh penjajah Barat terutamanya Inggeris.

- Bahasa Melayu Kuno
- Bahasa Melayu Klasik
- Bahasa Melayu Moden

Perubahan aksara penulisan bahasa Melayu sehingga kini

Rencana utama: Abjad Bahasa Melayu

Penulisan bahasa Melayu telah mengalami beberapa perubahan dan menggunakan beberapa jenis huruf yang saling berganti. Tulisan yang mula dipakai ialah tulisan Pallava yang berasal dari India. Tulisan Pallava ini kemudian mengalami perubahan. Oleh itu, timbul jenis-jenis tulisan seperti berikut:

- Tulisan Rencong.
- Tulisan Pallava.
- Tulisan Kawi.
- Tulisan Jawi
- Tulisan Rumi

Untuk mengetahui kaedah penggunaan abjad, penulisan huruf, penulisan kata, penulisan unsur serapan dan tanda baca umum yang dipraktikkan dalam bahasa Melayu, sila lihat: Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu (http://appw05.dbp.gov.my/dokumen/ejaan.pdf).

Pengaruh daripada bahasa asing

Bahasa Melayu banyak menyerap bahasa-bahasa asing seperti Sanskrit, Inggeris, Belanda, Jawa, Arab dan sebagainya.

Pengaruh Bahasa Sanskrit

Bahasa Sanskrit, bahasa perantara agama Hindu dan Buddha, telah banyak mempengaruhi bahasa Melayu apabila bahasa Melayu berada di peringkat kuno, iaitu pada peringkat sebelum bahasa Melayu mencapai zaman klasik pada zaman Kesultanan Melayu Melaka yang mana bahasa Melayu telah mengalami zaman kuno antara abad ke-7 dan abad ke-13. Bukti pengaruh bahasa Sanskrit dalam bahasa kuno dapat dikesan dalam batu bersurat yang ditinggalkan oleh kerajaan Srivijaya. Mengenai bukti bahasa Melayu kuno, terdapat empat batu bersurat yang penting, iaitu yang dijumpai di:

1. Kedukan Bukit, Palembang (683 M)
2. Talang Tuwo, Palembang (684 M)
3. Kota Kapur, Pulau Bangka (686 M)
4. Karang Brahi, Meringi, daerah hulu Jambi (686 M).

Selain itu sebagai faktor sampingan, faktor kemegahan juga faktor yang mendorong kepada peminjaman bahasa daripada bahasa Sanskrit. Peminjaman ini adalah kerana bahasa Sanskrit merupakan bahasa yang dianggap bahasa yang "tinggi-tinggi" pada zaman kuno. Penyerapan bahasa Sanskrit dalam bahasa seharian dijadikan satu cara perolehan kemegahan. Keadaan ini khususnya menyebabkan peminjaman perkataan yang sudah ada dalam bahasa Melayu asli, tetapi digantikan juga dengan bahasa Sanskrit, kerana barangkali dianggap lebih sesuai, lebih sedap bunyinya ataupun semata-mata kerana disangka lebih "tinggi" mutunya kerana bahasa Sanskrit merupakan bahasa sarjana.

Dalam bahasa Melayu, terdapat 677 perkataan yang berasal daripada bahasa Sanskrit. Berikut disenaraikan beberapa contoh perkataan Sanskrit yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu:

Bahasa Sanskrit	Bahasa Melayu	Tulisan Jawi
bhasa	bahasa	بهاس
malaiu	Melayu	ملايو
akasa	angkasa	اڠکاس
samudhara	samudera	سامودرا
maha	maha	مها
rajha	raja	راج
bhumi	bumi	بومي
putra	putera	ڤوترا
nagara	negara	نڬارا
nagari	negeri	نڬري
agama	agama	اڬام
anka	angka	اڠک
vaca	baca	باچ
bhagya	bahagia	بهاڬيا
vamsa	bangsa	بڠسا
balya	belia	

		بليا
varta	berita	بريتا
buddhi	budi	بودي
chaya	cahaya	چهاي
cakra	cakra	چقرا
dosa	dosa	دوسا
dukkha	duka	دوک
deva	dewa	ديوا
rupa	rupa	روڤا
samsara	sengsara	سڠسارا
maharani	maharani	مهاراني

Pengaruh Bahasa Jawa

Bahasa Jawa dan bahasa Melayu merupakan bahasa serumpun. Kedua-kedua bahasa tergolong kepada keluarga bahasa Indonesia. Terdapat dua faktor utama dalam penyebaran pengaruh bahasa Jawa ke Bahasa Melayu, iaitu:

- Pengaruh melalui penyebaran cerita panji
- Pengaruh melalui interaksi sosial dan ekonomi

Cerita panji ialah sejenis cerita yang berasal dari Jawa. Isinya mengenai wira dan wirawati. Cerita ini terdapat banyak versi, dan boleh dikesan di seluruh nusantara sehingga di Kemboja.

Migrasi orang Jawa ke Tanah Melayu telah berlaku semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pertempatan orang Jawa sudah dapat dikesan di bandar Melaka pada zaman itu, iaitu Kampung Jawa dan Parit Jawa. Walau bagaimanapun, migrasi orang Jawa ke Tanah Melayu yang ketara berlaku bermula pada awal abad ke-19. Tumpuan migrasi Jawa adalah di negeri-negeri Selat dan juga negeri Selangor dan negeri Johor.

Pertembungan orang tempatan yang menutur bahasa Melayu dengan pendatang Jawa yang menutur dalam bahasa Jawa telah menyebabkan unsur-unsur bahasa Jawa meresap ke dalam Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, perlu diketahui bahawa kata-kata pinjaman Jawa meresap ke dalam Bahasa Melayu secara terpencil dan tidak tersebar luas. Ia dikatakan diserap ke dalam Bahasa Melayu kerana migrasi orang-orang Jawa yang masih mengekalkan bahasa mereka dan tidak menguasai perbendaharaan bahasa Melayu yang sebenar.

Berikut disenaraikan beberapa kata-kata pinjaman Jawa dalam bahasa Melayu:

Perkataan	Tulisan Jawi	Maksudnya
andong	اندوڠ	Kereta kuda(sewaan)
batok	باتوق	tempurung
berangasan	بيرڠاسان	mudah naik marah
wedana	ويدنا	ketua daerah

adipati اويفتي raja

Pengaruh Arab-Islam

Bahasa Arab dan agama Islam sangat mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu. Status bahasa Melayu yang bertaraf lingua franca dan keunikannya telah menyebabkan agama Islam disebarkan dalam bahasa Melayu dan bukan dengan bahasa Arab. Walau bagaimanapun, bahasa Arab melalui kedatangan agama Islam telah mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu dalam beberapa aspek, antaranya:
1- perbendaharaan kata
2- sebutan kata
3- tulisan

Perbendaharaan Kata

Hampir sebahagian besar perbendaharaan bahasa Melayu meminjam perkataan bahasa Arab. Berikut disenaraikan beberapa contoh perkataan Arab yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu:

Bahasa Arab	Bahasa Melayu	Tulisan Jawi
abba	abah	ابه
syukr	syukur	شكور
jadwal	jadual	جدوال
qamus	kamus	كاموس
subh	subuh	صبح
waqtu	waktu	وقتو
hayawan	haiwan	حيوان
wajh	wajah	وجه
aqal	akal	عقل
dunya	dunia	دنيا
mahkamah	mahkamah	محكمه
asal	asal	اصل
mas'alah	masalah	مسئله
hadyah	hadiah	هديه
sadaqah	sedekah	صدقه
mawt	maut	موت
quwat	kuat	كوات
janin	janin	

جنين

kitab kitab كتاب

Sebutan Kata

Pengaruh Arab-Islam memberi kesan yang sangat besar kepada sebutan perkataan dalam bahasa Melayu. Bahasa Melayu mula dituturkan supaya menghampiri sebutan bahasa Arab, kerana masyarakat Melayu terdorong untuk membaca Al-Qur'an dengan betul.
Sebutan dengan pengaruh Arab-Islam ini turut membezakan antara penutur asal bahasa Melayu (iaitu orang-orang Melayu) dengan penutur bukan asal (seperti kaum Cina, India, atau bangsa Eropah) kerana penutur bukan asal ini tidak dapat menyebut beberapa perkataan yang menerima pengaruh Arab.
Contoh-contoh perkataan yang berbeza sebutan antara sebutan penutur Melayu dan penutur bukan Melayu:

Bahasa Melayu	Tulisan Jawi
Abdullah	عبدالله
maklumat	معلومت
iklan	اكلان
kadi	قاضي

Tulisan

Kedatangan pengaruh Arab-Islam telah menyumbang kepada penulisan bahasa Melayu dalam tulisan Arab yang akhirnya disebut tulisan Jawi. Tulisan Jawi ini digunakan antara lain bagi memudahkan orang-orang Melayu yang rata-rata beragama Islam membaca Al-Quran.
Hal ini dapat dilihat dengan jelas apabila sistem pendidikan Malaysia menukar tulisan Jawi kepada tulisan Rumi, ramai orang-orang Melayu mula tidak mampu membaca Al-Quran dengan baik. Ia dinamakan sindrom Buta Jawi atau Buta Al-Quran.

Pengaruh Bahasa Cina

Dalam Kamus Dewan, terdapat kata-kata yang mempunyai etimologi berlabel *C*. Perkataan ini merupakan kata-kata yang dipinjam daripada bahasa Cina. Tetapi bukan semua kata-kata yang berlabel *C* dalam Kamus Dewan Bahasa merupakan kata-kata yang dipinjam daripada bahasa Cina. Dalam kajian Kong 1993, telah disimpulkan bahawa lebih kurang 261 patah perkataan Bahasa Melayu telah dipinjam daripada bahasa Cina.

Terdapat 10 pengelasan kata yang telah disimpulkan oleh Kong iaitu:

1. Sayur-sayuran, buah-buahan, dan makanan.
2. Barang kegunaan harian.
3. Adat istiadat.
4. Bangunan dan tempat.
5. Permainan perjudian dan kepercayaan
6. Jabatan, kerjaya, dan posisi sosial.
7. Kenderaan dan alat pengangkutan.
8. Perkataan lain-lain.

Kajian ini juga dilakukan oleh Mashudi dan Yeong pada tahun 1989. Hasil kajian mereka mendapati terdapat lebih kurang 341 patah perkataan Bahasa Melayu dipinjam daripada bahasa Cina. Kajian melihat pada fonologi perkataan bahasa Melayu tersebut. Sistem fonologi kata asli bahasa Melayu tidak bertepatan dengan sistem fonologi kata bahasa Cina.

Antara kata Bahasa Cina yang dipinjam dalam Kamus Dewan Bahasa ialah:

1. Pinjaman kata Bahasa Cina yang bertentangan dengan harmoni vokal

- Anglo اڠلو
- apek اڤيک
- cingge چيڠك
- kaleng کلاڠ
- kongsi کوڠسي
- lio ليو
- liong ليوڠ
- lisong ليسوڠ
- lokcuan لوقچوان
- mahjong مهجوڠ
- panglong ڤڠلوڠ
- singkong سيڠکوڠ
- taikong تايکوڠ

2. Pinjaman kata Bahasa Cina yang bertentangan dengan rangkap nasal homorgan

- angpau اڠڤاو
- bangpak بڠڤق
- camca چمچا
- kamsia کمسيا
- samsu سمسو
- samseng سمسڠ

3. Pinjaman kata Bahasa Cina yang tidak berlaku reduksi vokal

- beca بچا
- camca چمچا
- kekwa کيکوا
- nyonya ڽونا
- popia ڤوڤيا
- misoa ميسوا
- mua موا
- sempoa سمڤوا

- taukua تاوکوا

4. Pinjaman kata Bahasa Cina yang mengalami nasalisasi vokal

- popia ڤوڤيا
- misoa ميسوا
- sempoa سمڤوا
- siya سيا
- taukua تاوکوا

Prilaku fonologi pinjaman kata Bahasa Cina adalah bertentangan dengan sistem fonologi bahasa Melayu.

Pengaruh Portugis

Terdapat 131 perkataan yang berasal daripada bahasa Portugis.[4] Beberapa contoh perkataan Portugis yang diserap dalam bahasa Melayu ialah:

Bahasa Portugis	Bahasa Melayu	Tulisan Jawi
armário	almari	المارى
bola	bola	بولا
bandeira	bendera	بنديرا
camisa	kemeja	کمجا
dado	dadu	دادو
garfo	garpu	ݢرڤو
igreja	gereja	ݢرجا
limão	limau	ليماو
manteiga	mentega	منتيك
domingo	minggu	مينڠو
padre	paderi	ڤادرى
toalha	tuala	توالا
janela	jendela	جنديلا
escola	sekolah	سکوله
sábado	Sabtu	سبتو
sabão	sabun	سابون

sapato	sepatu	سڤاتو
abba	abah	ابه
almari	almari	المارى
kameja	kemeja	كمجا
salwar	seluar	سلوار

Pengaruh Inggeris

Pengaruh bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu merupakan pengaruh paling ketara dan paling meluas masa kini, dan lazimnya perkataan Inggeris dipinjam ke dalam bahasa Melayu apabila tiada perkataan tempatan untuk menggambarkan situasi baru yang memerlukan satu panggilan khusus untuk merujuk kepadanya. Contoh perkataan sebegini ialah *konotasi* (Jawi: كونوتاسي; *connotation*), *kompromi* (Jawi: كومڤروميٓ; *compromise*) dan *siri* (Jawi: سيري; *series*). Tetapi kebingungan dan bantahan sering timbul apabila perkataan Inggeris yang diterima masuk ke dalam bahasa Melayu terlalu banyak sehinggakan ada yang bertindak sebagai pengganti perkataan yang telah wujud. Dewan Bahasa dan Pustaka telah terus membenarkan kemasukan perkataan sebegini dalam kosa kata bahasa Melayu dan tidak menghiraukan bantahan yang dikemukakan. Penggunaan perkataan sebegini yang meluas di media percetakan dalam bahasa Melayu di Malaysia seperti pada akhbar Utusan Malaysia telah mengeruhkan lagi permasalahan ini. Satu-satunya kenyataan bernada bimbang terhadap situasi ini pernah dilafazkan bekas perdana menteri Malaysia, Mahathir bin Mohamad meskipun beliau sendiri telah memperkenalkan suatu perkataan baru "bajet" (Jawi: باجيت) menggantikan perkataan "belanjawan" (Jawi: بلنجاوان) semasa pembentangan belanjawannya yang terakhir, dengan alasan bahawa istilah belanjawan tidak tepat kerana anggaran kewangan kerajaan turut melibatkan hasil, dan bukan belanja semata-mata.

Berikut merupakan beberapa perkataan yang telah diterima dalam bahasa Melayu secara rasmi dan digunakan secara meluas dan dianggap telah diterima.

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu	Tulisan Jawi
book	buku	بوكو
lamp	lampu	لمڤو
ball	bola	بولا
mind	minda	ميندا
cheque	cek	چيک
bus	bas	بس
taxi	teksi	تكسي

Beberapa tahun kebelakangan ini (sekitar 2003), stesen televisyen milik kerajaan Malaysia RTM 1 (dahulu dikenali sebagai TV 1) telah menukar tema saluran nya kepada "Saluran Infotainmen Anda" (Jawi: سالورن اينفوتاينمن اندا; daripada bahasa Inggeris *Your Infotainment Channel*) dan ini menimbulkan kontroversi apabila Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mendakwa perkataan "Infortainmen" merosakkan penggunaan bahasa Melayu. Alasan yang diberikan adalah bahawa *-tain-* yang harus disebut seakan perkataan Melayu *main*, dan ini kedengaran agak janggal. Penukaran ejaan ke "Infotenmen" pula tidak diterima sebagai piawai DBP dan kerajaan disaran menggantikannya dengan perkataan lain seperti "*Infohibur*" tetapi Kementerian Penerangan yang mengendalikan stesen televisyen kerajaan Radio Televisyen Malaysia enggan menuruti saranan berkenaan. Pada tahun 2006 tema ini ditukarkan ke *Saluran Inforia* (Jawi: سالورن اينفوريا).

- **(Inggeris)** Lebih mengenai pengaruh bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu (http://news.nationalgeographic.com/news/2004/02/0226_040226_language.html)

Definisi bahasa Melayu tinggi dan bahasa Melayu baku

Konsep bahasa Melayu tinggi merujuk kepada penggunaan bahasa Melayu dalam konteks wacana ilmiah dan berkaitan dengan ketamadunan. Bahasa Melayu tinggi sering dirujuk sebagai wahana bagi melahirkan idea dan wawasan yang berkaitan dengan kesarjanaan dan kebudayaan. Bahasa Melayu tinggi lazimnya digunakan dalam seminar, persidangan atau kongres yang berkaitan dengan bahasa, budaya ataupun bidang ilmiah yang lain.

Bahasa Melayu baku pula ialah bahasa Melayu yang sempurna dari segi penggunaan aspek bahasanya, iaitu ejaan, tatabahasa, istilah, penggunaan kata, laras bahasa dan sebutan.

Frasa mudah dalam Bahasa Melayu

Di Malaysia, biasanya masyarakat Melayu bertegur sapa sesama sendiri dengan ucapan salam, tetapi ucapan formal seperti "Selamat pagi" atau "Selamat sejahtera" turut digunakan bagi penutur bukan Islam. Ucapan "Hai" juga sering digunakan apabila bertegur sama sesama rakan-rakan, sebagaimana perkataan "*Bye-bye*" semasa meminta diri untuk beredar.

Frasa bahasa Melayu	IPA	Tulisan Jawi
Selamat datang	/səlamat dataŋ/	سلامت داتڠ
Selamat jalan	/səlamat dʒalan/	سلامت جالن
Selamat tinggal	/səlamat tiŋgal/	سلامت تيڠڬل
Terima kasih	/tərima kasih/	تريما كاسيه
Sama-sama	/sama sama/	سام-سام
Selamat pagi	/səlamat pagi/	سلامت ڤاڬي
Selamat petang	/səlamat pətaŋ/	سلامت ڤتڠ
Selamat sejahtera	/səlamat sədʒahtəra/	سلامت سجهترا
Selamat malam	/səlamat malam/	سلامت مالم
Jumpa lagi	/dʒumpa lagi/	جومڤا لاڬي
Siapakah nama awak?/Nama awak siapa?	/siapakah nama awak/ atau /nama awak siapa/	سياڤاكه نام اوق؟/نام اوق سياڤا؟
Nama saya ...	/nama saja/ (diikuti dengan nama)	نام ساي ...
Apa khabar?	/apa kabar/	اڤ خبر؟
Khabar baik	/kabar baik/	خبر باءيق
Saya sakit	/saja sakit/	ساي ساكيت
Ya	/ja/	يا
Tidak (tidak formal: "tak")	/tidak/ atau /tak/	تيدق
Ibu sayang engkau/kamu (awak)	/ibu sajaŋ əŋkau/	ايبو سايڠ اڠكاو/كامو (اوق)
Aku (Saya) cinta pada mu (awak)	/aku tʃinta pada mu/	اكو (ساي) چينتا ڤد مو (اوق)
Saya benci awak	/saja bentʃi awak/	ساي بنچي اوق
Saya tidak faham (tidak formal: "tak faham")	/saja tidak faham/	ساي تيدق فهم
Saya tidak tahu (tidak formal: "tak tau" ataupun "sik tau" di Sarawak)	/saja tidak tahu/	ساي تيدق تاهو
(Minta) maaf	/minta ma'af/	(مينت) معاف
Tumpang tanya	/tumpaŋ taɲa/	تومڤڠ تاث
(Minta) tolong	/toloŋ/	(مينت) تولوڠ
Apa	/apa/	اڤ
Tiada	/tiada/	تياد

Bahasa pasar serta penggunaan kontemporari

Bahasa Melayu Pasar turut termasuk sebilangan perkataan slanga, terbentuk daripada pengubahsuaian daripada perkataan dalam Bahasa Melayu Piawai ataupun dicedok daripada bahasa lain, sering digunakan terutamanya di kalangan masyarakat bandar, yang mungkin sukar difahami di kalangan generasi terdahulu, contohnya *awek* (gadis); *balak* (jejaka); *usha* (perhati); *skodeng* (intai); *cun* (cantik); *poyo*/*slenge* (buruk) dll. Kata ganti nama yang baru turut direka dengan menggunakan gabungan kata ganti nama sedia ada dengan perkataan *orang*, contohnya *kitorang* (*kita* + *orang*, menggantikan perkataan *kami*); *korang* (*kau* + *orang*, bagi merujuk kepada ramai orang dan menggantikan perkataan *kalian*); *diorang* or *derang* (*dia* + *orang*, menggantikan perkataan *mereka*).

Sebilangan penutur bahasa Melayu, terutamanya di Kuala Lumpur, juga sering menukar bahasa (beralih kod) antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, yang seterusnya membentuk bahasa rojak. Contoh pinjaman kata yang digunakan ialah: ***Best****lah tempat ni* (Baguslah tempat ni); *kau ni* ***terror*** *lah* (Kau ni hebatlah). Akibatnya, fenomena ini melahirkan rasa kurang senang di kalangan pencinta bahasa di Malaysia, yang sering memperjuangkan penggunaan bahasa kebangsaan dengan betul.

Berikut merupakan beberapa kependekan yang sering digunakan oleh remaja Melayu:

Perkataan tidak formal	Perkataan formal	Tulisan Jawi
bleh	boleh	بوليه
ko	engkau	اڠکاو
nape	kenapa/mengapa	کناڤ
gi/pi	pergi	ڤرڬي
kat	dekat/di	دکت/د
ne	mana	مان
tau	tahu	تاهو
je	sahaja	سهاج
awek	gadis	ڬاديس
balak	pemuda	ڤووا
skodeng	mengintai	مڠنتاي
cun	cantik	چنتيک
jom	mari	ماري
poyo/selenge	berlagak	برلاتق
blah	beredar	برايدر
meh	mari	ماري
apsal	apa pasal	اڤ ڤأسل
tak yah	tidak payah	تيدق ڤايه
pastu	selepas itu	سلڤس ايت
ambik	ambil	اٮبيل

Galeri

Gisaburo Yamamichi, 1912 Marai-go yon shu-kan, Shogo Kimata ed, Tokyo : Okazakiya syoten. Salah satu penerbitan awal bagi mempelajari bahasa Melayu di Jepun.

Lihat juga

- Bahasa rojak
- Bidalan
- Dewan Bahasa dan Pustaka
- Peribahasa
- Simpulan bahasa
- Singkatan kata
- Tatabahasa
- Perkembangan Bahasa Malaysia
- Kronologi pembentukan istilah bahasa Melayu

Gedung Bahasa Melayu dari Wikisource

Rujukan

Nota kaki

1. Laman web Penerbit USM: Bahasa Melayu (http://www.penerbit.usm.my/pen2006/DAH/bab2.html)
2. Teks PDF oleh Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia-Perkara 152. Bahasa kebangsaan. (http://jpt.mohe.gov.my/RUJUKAN/akta/Perkara%20152.pdf)
3. Nik Safiah Karim dan dll. *Tatabahasa Dewan*, Edisi Baharu. Dewan Bahasa dan Pustaka 2006
4. http://www.youtube.com/watch?v=pycewToY3_A

1. Dewan Bahasa dan Pustaka - Jilid 4 Bil.4 Disember 2004 - Halaman 705-723 - Jurnal Bahasa - ISSN 1511-9084

Pautan luar

- Kamus Dewan Dalam Talian (http://www.karyanet.com.my/knet/index.php?tpf=DEWAN)
- Kamus Melayu-Cina (http://www.ekamus.info/)
- Kamus Melayu-Inggeris (http://dictionary.bhanot.net/)
- Sejarah bahasa Melayu. (http://www.arts.nie.edu.sg/mlc/nota_ead183.htm)
- Asal Usul Bahasa Melayu (http://www.tutor.com.my/tutor/stpm/asal_usul_bahasa/asal_usul_bahasa_melayu.htm)
- Penerbit USM: Bahasa Melayu (http://www.penerbit.usm.my/pen2006/DAH/bab2.html)
- Makna Perkataan Melayu-Inggeris (https://makna.online/)

Wikimedia Commons mempunyai media berkaitan ***Bahasa Melayu (https://commons.wikimedia.org/wiki/Category:Malay_language?uselang=ms)***

L · B · S (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Templat:Bahasa_Melayu_Tempatan&action=edit) **Bahasa Melayu**

Tempatan

Australia (Pulau Bahasa Melayu Cocos · Broome Pearling Lugger Pidgin

Cocos dan Krismas)	
Brunei	Bahasa Melayu Brunei
Indonesia	Bahasa Indonesia · Bahasa Melayu Ambon · Bahasa Melayu Bangka · Bahasa Melayu Bacan · *Bahasa Banjar* · Bahasa Melayu Berau · Bahasa Melayu Betawi · Bahasa Melayu Bukit · Bahasa Melayu Jambi · Bahasa Melayu Kutai Kota Bangun · Bahasa Melayu Kutai Tenggarong · Bahasa Melayu Riau · Bahasa Melayu Maluku Utara · Bahasa Melayu Manado · Bahasa Melayu Papua · Bahasa Melayu Palembang · *Bahasa Minangkabau*
Malaysia	Bahasa Malaysia · Bahasa Melayu Baba · Bahasa Melayu Baling · Bahasa Melayu Chetty · Bahasa Melayu Gerik · *Bahasa Jakun* · Bahasa Melayu Kedah · Bahasa Melayu Kelantan · Bahasa Melayu Negeri Sembilan · *Bahasa Orang Kanaq* · *Bahasa Orang Seletar* · Bahasa Melayu Pahang · Bahasa Melayu Perak · Bahasa Melayu Terengganu · Bahasa Melayu Rawa · Bahasa Melayu Sabah · Bahasa Melayu Sarawak · *Bahasa Temuan*
Thailand	Bahasa Melayu Pattani (Bahasa Yawi)
Singapura	Bahasa Melayu Singapura
Sri Lanka	Bahasa Melayu Sri Lanka
Bahasa Melayu penggunaan am	Bahasa Melayu Piawai · Bahasa Melayu Moden · Bahasa Melayu Saintifik · Bahasa Melayu Klasik · Bahasa istana · Bahasa Melayu Kuno

L · B · S (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Templat:Bahasa_Asia_Tenggara&action=edit)

Bahasa di Asia Tenggara

Brunei	Bahasa Melayu • Bahasa Inggeris
Filipina	Bahasa Cebuano • Bahasa Filipino • Bahasa Tagalog • Bahasa Tausug • Bahasa Kapampangan
Indonesia	Bahasa Indonesia • Bahasa Minangkabau • Bahasa Jawa • Bahasa Sunda • Bahasa Betawi • Bahasa Bali • Bahasa Banjar • Bahasa Manado • Bahasa Bugis • Bahasa Melayu • Bahasa Makassar • Bahasa Batak • Bahasa Aceh
Kemboja	Bahasa Cham • Bahasa Khmer
Laos	Bahasa Lao
Malaysia	Bahasa Malaysia/Melayu • Bahasa Inggeris • Bahasa Cina • Bahasa Tamil • Bahasa Iban • Bahasa Dusun • Bahasa Semai • Bahasa Kadazan • Bahasa Bajau
Myanmar	Bahasa Burma • Bahasa Mon
Singapura	Bahasa Melayu • Bahasa Inggeris • Bahasa Cina • Bahasa Tamil
Thailand	Bahasa Thai • Bahasa Yawi • Bahasa Isan
Timor Leste	Bahasa Tetum • Bahasa Portugis
Vietnam	Bahasa Vietnam • Bahasa Cham

Kawalan kewibawaan GND: 4037194-3 (https://d-nb.info/gnd/4037194-3) · NDL: 00567478 (https://id.ndl.go.jp/auth/ndlna/00567478)

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Melayu&oldid=4804634"

Laman ini kali terakhir disunting pada 03:41, 27 Mei 2020.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.